



TARIKH	AHAD, 05 JANUARI 2020
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	ELAK SYAK WASANGKA: CUEPACS
M/S	5
BIDANG	CIVIL SERVANT
KATA KUNCI	CIVIL SERVICE, CUEPACS

Penjawat awam dilarang pegang jawatan politik

# Elak syak wasangka: CUEPACS

Pastikan kakitangan kerajaan beri perkhidmatan terbaik kepada rakyat

Oleh Junita Mat Rasid  
junita@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Larangan penjawat awam memegang sebarang jawatan dalam parti politik dilihat wajar bagi memastikan perkhidmatan mereka tidak berbelah-bahagi kepada kerajaan.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Adnan Mat, berkata pihaknya tiada masalah jika kerajaan mahu menyekat jawatan tertentu dipegang penjawat awam kerana ia dilihat bagi memastikan mereka menumpukan kepada perkhidmatan dan tidak menimbulkan syak wasangka.

Katanya, langkah itu juga bukan peraturan baharu, sebaliknya sudah dibuat sejak 2017 lagi sebelum ia diberi kelonggaran, iaitu penjawat awam dibolehkan memegang jawatan dalam parti politik dengan syarat mendapat kelulusan Ketua Setiausaha Negara.

"Isu ini sudah lama sejak 2017 lagi. Dulu memang kita (penjawat awam) tidak dibenarkan memegang jawatan dalam politik. Hanya gred tertentu atau dalam kumpulan A saja tidak dibenarkan memegang jawatan sebelum dilonggarkan sehingga gred 52," katanya ketika dihubungi, semalam.

Kelmarin, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman, dilaporkan berkata, larangan itu bertepatan dengan hasrat kerajaan supaya penjawat awam tidak terlibat atau terpengaruh dengan sentimen politik kepartian dalam melaksanakan tanggungjawab kepada rakyat.

Keputusan itu dibuat dalam mesyuarat Kabinet pada 1 November lalu yang menetapkan penjawat



CUEPACS tiada masalah jika kerajaan mahu sekat jawatan tertentu dipegang penjawat awam kerana ia dilihat bagi memastikan mereka menumpukan kepada perkhidmatan.

Adnan Mat,  
Presiden CUEPACS

awam boleh terlibat dalam parti politik, tetapi tidak dibenarkan memegang jawatan atau bertanding sebarang jawatan.

Adnan berkata, penjawat awam setia berkhidmat kepada kerajaan dengan mematuhi dasar atau peraturan yang ditetapkan,

kan, tetapi mungkin dalam kes tertentu, kerajaan tidak selesa apabila ada penjawat awam yang terlibat dalam parti politik pembangkang.

"Kalau kerajaan rasa ada had dan gred tertentu perlu tidak terlibat (dalam politik), kita tiada

masalah sebab kita berkhidmat setia kepada kerajaan. Sudah tentu kita beri perkhidmatan tidak berbelah bahagi kepada kerajaan," katanya.

Sementara itu, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mohamed Hanipa Maidin, berkata idea tidak membenarkan kakitangan awam memegang jawatan politik bagi memastikan mereka boleh berkhidmat secara profesional dan bebas serta menjaga prinsip berkecuali.

"Kakitangan awam kena berkhidmat pada mana-mana kerajaan yang memerintah, tidak kira parti mana yang berkuasa.

"Dengan adanya larangan ini, pada hemat saya, ia bagi membantu mereka berkhidmat dengan lebih selesa dan tidak memihak. Itu amat penting untuk mereka dan kerajaan sendiri," katanya.

Beliau berkata, perkara berkenaan bukan isu baharu kerana sejak dulu lagi sudah ada pekelingking kerajaan tidak membenarkan kakitangan awam memegang jawatan politik dan sehingga kini pekelingking itu masih lagi terpakai.

DISEDIAKAN OLEH	1-NORZEHAN BINTI NGADIRON (N44), BPM 2-RAJA MUSFARIZAL BINTI RAJA MUHAMAD (S19), BPM UNIT PERKHIDMATAN MAKLUMAT, BPM
-----------------	----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------